

Ahli Dewan Negara jangan 'tikam belakang'
Utusan Online
Julai 13, 2011

KUALA LUMPUR 12 Julai – Ahli Dewan Negara daripada kedua-dua pihak terutama pembangkang diingatkan supaya tidak bersikap 'tikam belakang' dengan memburuk-burukkan kerajaan terutama ketika berkunjung ke luar negara.

Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang berkata, Ahli-ahli Dewan Negara dari kedua-dua pihak perlu sentiasa bekerjasama dalam usaha meningkatkan imej negara dan dewan supaya ia sentiasa dihormati komuniti dunia.

"Anggota Senator harus membawa semangat patriotisme dan tidak bersikap 'tikam belakang' dengan sentiasa berbuat baik antara satu sama lain semasa di dalam Dewan dan luar Dewan bagi mempertingkatkan martabat Dewan Negara yang disegani di dalam dan di luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap ketika jamuan makan tengah hari bagi meraikan lapan ahli Dewan Negara yang telah dan akan menamatkan tempoh keanggotaan mereka tahun ini di bangunan Parlimen hari ini.

Antara mereka yang tamat tempoh lantikan pada tahun ini ialah Datin Paduka Nor Hayati Onn, Datuk Wan Hazani Wan Nor, Datuk Rizuan Abdul Hamid dan Datuk Idris Buang yang telah berkhidmat selama dua penggal sejak 2005.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0713&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_05.htm